

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN
(NIBONG TEBAL)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akaun 2 mengikut jenis pengeluaran dan jumlah wang yang terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran Akaun 2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah pengeluaran sebahagian simpanan ahli bagi membuat pengeluaran yang dibenarkan seperti pengeluaran perumahan, pengeluaran pendidikan dan lain-lain. Status terkini pengeluaran KWSP Akaun 2 mengikut jenis pengeluaran dan jumlah wang yang terbabit bagi tempoh Januari

132
sehingga September 2017 adalah seperti berikut :

Jenis Pengeluaran (Pengeluaran Simpanan Ahli Daripada Akaun 2)	Januari - September 2017	
	Bil. Lulus	Amaun (RM Juta)
1. Melebihi RM1 juta	5,733	1,061.94
2. 50 tahun	122,725	3,563.09
3. Haji	431	1.20
4. Beli / Bina rumah	71,102	1,730.68
5. Gadaian	101,010	1,337.68
6. Ansuran Bulanan	142,802	1,410.09
7. Hilang Upaya	4,093	293.98
8. Kesihatan	5,001	42.93
9. Pendidikan	224,235	1,297.02
Jumlah Keseluruhan	677,235	10,738.61